

18 AUG 2002

Mahathir-Berlepas/I (Bergambar)

DR MAHATHIR BERLEPAS KE MYANMAR UNTUK LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Myanmar hari ini untuk mengadakan lawatan kerja dua hari ke negara itu, lawatan kedua baginya dalam tempoh 19 bulan dan yang keempat sejak 1988.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, berlepas dengan pesawat khas di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang dekat sini pada 3.45 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kabinet turut berada di pangkalan TUDM itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Lawatan Perdana Menteri itu adalah sebagai membalas lawatan Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC) Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe, ke Malaysia pada September tahun lepas.

Dr Mahathir mengetuai rombongan 300 orang termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Lawatan sebelum ini oleh Dr Mahathir ialah pada Januari tahun lepas, dengan pintu bagi peluang-peluang perniagaan dibuka dengan rasminya kepada syarikat-syarikat Malaysia khususnya dalam memproses bahan-bahan mentah, yang banyak terdapat di Myanmar.

Kuala Lumpur dan Yangon menjalinkan hubungan diplomatik pada 1958 dan Myanmar menjadi anggota Asean pada 1997.

Perdana Menteri dijadualkan mengunjungi Than Shwe di bangunan Parlimen sejurus selepas tiba dan akan diraikan oleh Pengerusi SPDC itu dalam satu jamuan pada malamnya di tempat yang sama.

Dr Mahathir dijadualkan pulang petang esok.

-- BERNAMA

RZS AKT NAK